

09/07/2003

Gaji antara faktor pakar enggan kembali

GAJI tidak menarik adalah faktor utama ramai pakar rakyat Malaysia yang berkerja di luar negara tidak menyahut saranan kerajaan untuk kembali dan berkhidmat di negara ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata ketika skim itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1 Januari 2000 ramai pakar rakyat Malaysia menunjukkan minat.

"Bagaimanapun apabila mereka menilai gaji dan kemudahan lain yang ditawarkan di negara ini, sebahagian besar membatalkan hasrat untuk kembali," katanya menjawab soalan Senator Datuk Dr Chin Fook Weng di Dewan Negara, semalam.

Menjawab soalan Senator Datuk Yaakob Mohammed mengapa kerajaan tidak menghalang rakyat bekerja di luar negara, Fong berkata, kerajaan mahu mereka mendapat pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang tidak ada dalam negara.

Katanya, antara bidang yang digalakkan ialah perubatan, teknologi tinggi dan kejuruteraan.

"Apabila mereka mendapat pengalaman dan kemahiran yang diperlukan, kerajaan akan menjemput pakar berkenaan kembali dan berkerja di negara ini dengan insentif yang baik," katanya.

Menjawab soalan Senator Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng, Fong berkata, sehingga Jun lalu seramai 116 pakar rakyat negara ini yang berkerja di luar negara kembali dan bertugas di sini.

Katanya, sejak skim itu diperkenalkan kerajaan, sebanyak 554 permohonan diterima dan daripada jumlah itu 208 sudah diluluskan.

"Setiap permohonan akan diluluskan dalam tempoh dua bulan sekiranya semua maklumat mencukupi manakala permohonan yang memerlukan maklumat tambahan akan diluluskan dalam tempoh empat hingga enam bulan," katanya.

Beliau berkata, sebahagian besar daripada pakar terbabit berkerja di Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Brunei dan Britain.

Katanya, antara bidang kepakaran mereka ialah perakaunan dan kewangan, teknologi maklumat, perubatan dan kesihatan, industri serta sains dan teknologi.